

TEKS UCAPAN

**Y.B. DATUK HAJI HAJI BIN MOHD NOOR,
MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN,
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA KUMPULAN 2 SIRI
5/2008 KEM KK DI BAWAH BAYU, TUARAN
PADA 6 JUN 2008 (RABU) JAM 8.00 PAGI
DI PADANG KAWAD KEM KK DIBAWAH BAYU KG. KAULUAN, TUARAN**

Asalamualaikum w.b.t, salam sejahtera dan selamat pagi.

Terima kasih Saudara/saudari Pengacara majlis;

Syukur Alhamdulillah, di pagi yang mulia ini dapat kita berkumpul bersama-sama di dalam Majlis Penutupan Program Latihan Khidmat Negara bagi Kumpulan 2 Siri 5/2008 Kem KK Di Bawah Bayu, Tuaran, Sabah

Saya merasa sangat berbangga kerana diberi penghormatan oleh Mejar Norazmi Bin Ismail, Komandan Kem KK Di Bawah Bayu, Tuaran untuk merasmikan Majlis Penutupan PLKN Kumpulan 2 Siri 5/2008 di Kem KK Di Bawah Bayu, Tuaran ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pelatih PLKN Kumpulan 2 Siri 5/2008 kerana telah berjaya menamatkan latihan selama 12 minggu di Kem ini.

Sebagaimana para hadirin sedia maklum, ada di antara mereka yang terpilih tidak dapat mengikuti PLKN kerana telah mendapat pengecualian atau penangguhan atau ada yang gagal menghadirkan diri tanpa apa-apa alasan. Kepada wira dan wirawati yang telah berjaya menghadirkan diri dan dapat menamatkan latihan dibawah program ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kerana telah menunjukkan komitmen dan pengorbanan yang amat tinggi.

Saya penuh yakin dan percaya selain daripada mendapat kawan baru, wira dan wirawati dapat menyedari dan perbezaan budaya dan agama kaum lain, bekerjasama dengan kaum lain, mengenali

negara kita dengan lebih dekat, mencintai Malaysia, menyedari kepentingan kerja sukarela khususnya dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat, memperlajari tentang tanggungjawab, mempunyai ketahanan diri dari segi emosi, mental dan fizikal dan juga pelbagai ilmu pengetahuan kemahiran dan pengalaman yang berfaedah untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan untuk negara kita yang tercinta ini.

Semua ilmu, pengalaman dan kemahiran serta nilai-nilai positif yang wira dan wirawati perolehi daripada Kem KK Di Bawah Bayu, perlu dipupuk dan ditingkatkan lagi supaya ianya terus menjadi sebahagian daripada nilai hidup wira dan wirawati sama ada sebagai pelajar, pekerja ataupun sebagainya. Sebagai contoh disiplin diri, kemahiran pengurusan diri, ketahanan diri, keyakinan diri, kebolehan membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan sebagainya adalah kekuatan yang wira dan wirawati boleh gunakan pada setiap masa dimana-mana sahaja. Kerajaan yakin ini adalah diantara kekuatan yang wira dan wirawati perlukan sebagai persediaan untuk menangani dan menghadapi sebarang cabaran sama ada dari luar dan dalam negara.

Program latihan pengendalian senjata yang diperkenalkan juga bukan sahaja dapat memberikan ilmu dan kemahiran menggunakan senjata tersebut, tetapi telah dapat memberikan keyakinan kepada wira dan wirawati, membentuk disiplin dalam diri, mengajar wira dan wirawati bekerja sebagai satu pasukan, belajar menerima arahan dan belajar tentang peranan anggota keselamatan negara untuk mempertahankannya.

Kerajaan sanggup membelanjakan wang yang banyak didalam melaksanakan program ini. Kita yakin wira dan wirawati hari ini adalah merupakan aset utama negara yang perlu dibekalkan dan dipersiapkan dari segala aspek baik dari fizikal, mental, emosi mahupun dari segi rohaninya agar mereka lebih bersedia menghadapi cabaran di alaf ini. Ini juga merupakan salah satu usaha kerajaan untuk pembangunan modal insan selaras dengan rancangan jangka panjang kerajaan.

Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan program ini pada tahun-tahun akan datang kerana ia banyak memberi manfaat kepada generasi muda. Penilaian menyeluruh akan dibuat dari masa ke semsa dan dalam konteks ini maklumbalas dari semua pihak adalah diperlukan untuk dijadikan asas untuk memantapkan lagi program PLKN ini agar ianya dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai

sepenuhnya matlamat yang ditetapkan.

Kejayaan wira dan wirawati adalah merupakan kejayaan bersama, semua pihak akan mendapat faedah apabila di kalangan wira dan wirawati bersatupadu mempunyai perwatakan positif dan unggul, mempunyai semangat kesukarelaan dan sayangkan negara serta sanggup mempertahankan kedaulatannya. Dalam keadaan ini negara akan dapat bersaing dengan negara-negara lain dalam pelbagai aspek termasuklah dari segi ekonomi, teknologi dan sebagainya. Apabila negara menjadi makmur, kita semua akan merasa kemakmurannya, sebaliknya jika rakyat yang berpecah-pecah, mempunyai karakter negatif dan merosakkan, tidak sayangkan negara, negara Malaysia akan menjurus kearah itu, kerajaan sangat mengharapkan yang terbaik daripada wira dan wirawati sekalian.

Para hadirin sekalian,

Program Latihan Khidmat Negara ini telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan daripada banyak pihak iaitu Jabatan dan agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, universiti-universiti, syarikat-syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO'S). Persatuan-persatuan, orang perseorangan, para Jurulatih, fasilitator, Komandan-komandan, tenaga pentadbir dan sebagainya. Kerajaan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung. Insya-Allah diatas segala sumbangan bakti yang telah diberikan untuk sama-sama melahirkan generasi gemilang ini akan mendapat rahmat, petunjuk serta hidayah dari Allah S.W.T jua.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Pelatih Kumpulan 2 Siri 5/2008 Kem KK Di Bawah Bayu, Tuaran yang dapat menamatkan Program Latihan Khidmat Negara dengan jayanya.

Dengan lafaz Bismillah hiramannirahim. Saya sukacitanya merasmikan Majlis Penutupan Program Latihan Khidmat Negara Kumpulan 2 Siri 5/2008. Kem KK Di Bawah Bayu, Tuaran, Sabah.

Sekian.

Wabillahi Taufiq Wahlidayah, Wasalamualaikum Warah Matullah Wabarakatuh